

Headline **Gadai barang kemas demi bakti f**
 Date **20. Jan 2009** Language **MALAY**
 Media Title **Harian Metro** Page No **V8**
 Section **Variasi** Article Size **1738 cm2**
 Circulation **336603** Frequency **Daily**
 Readership **2192000** Color **Full Color**
 AdValue



Gadai barang kemas demi bakti

Norlina sekeluarga tinggal serumah dengan anak yatim, terbiar untuk semai sifat kasih sayang dan rasa tanggungjawab antara satu sama lain

>>Oleh Norlia Idris
 nori@hmetro.com.my

DIA tidak goyah pendirian mendengar segala tohmahan dan pandangan serong masyarakat terhadap usaha yang dirintisnya sejak 2004.

Lali dengan penghinaan yang menyatakan memberi naungan kepada golongan itu hanya sia-sia, Norlina Alawi, 37, terus melangkah gagah.

Baginya, menghimpun 51 anak yatim, tujuh anak kandung dan tiga wanita dewasa termasuk ibu tunggal serta seorang penghidap HIV bukan suatu dosa.

"Saya tolak tepi segala pandangan sinis kerana naluri keibuan lebih menguasai sekali gus ingin memberi mereka kasih sayang tanpa mengira penyakit dihidapi apatah lagi ia pelaburan dunia akhirat saya," katanya.

Wanita yang berasal dari Kluang, Johor ini kini bangga dengan rumah yang dimiliki selain modal berbayar syarikat dipacunya berjumlah ratusan ribu ringgit.

Untuk itu, dia turut melantik syarikat guaman dalam mengurus soal perundangan dan perjalanan pusat perlindungan itu.

Baginya, Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/Aids Nurul Iman Malaysia (Pemim) diselakkan di bawah Pusat Perlindungan Pemim dan Sekolah Agama Kafa Integrasi yang beroperasi di Kampung Cheras Baru, Kuala Lumpur yang berkonsepkan kekeluargaan itu, nadi hidupnya sepanjang hayat.

"Selain penerapan nilai emosi, ia menitikberatkan pendidikan sempurna termasuk aspek kerohanian, kasih sayang, moral, kesihatan dan berdikari di samping membina jati diri ampuh demi kecemerlangan dunia dan akhirat.

"Saya ingin membuktikan rumah ini adalah usaha berterusan saya dan sekali gus menjadi ikutan kepada orang lain.

"Saya berikan yang terbaik kepada anak-anak ini dari aspek pelajaran termasuk khidmat guru tuisyen terbaik sebab mahu lahirkan anak bestari.

"Begitu juga dalam penyediaan makanan dan keperluan asas lain. Saya percaya,



BERNAUNG...Norlina tidak pernah menyilihkan hubungan antara anaknya dengan anak terbiar.

disiplin, ilmu dan aspirasi yang diterapkan akan menjana kegemilangan yang diharapkan," katanya.

Dia beriltizam menerapkan nilai insaniah dalam diri masyarakat keseluruhan bahawa tidak salah berbuat kebajikan sesama insan.

Menurutnya, siri penjelajahannya ke seluruh negara tahun lalu dengan 'menjual muka' sendiri adalah pengalaman menyeronokkan kerana usahanya mendapat sokongan kerajaan, swasta dan korporat.

Jika ada tanggapan mengenai kebanyakan rumah anak yatim yang agak daif, Norlina mahu mengubah senario berkenaan.

Kini, dia bangga dengan hasil gadaian barang kemasnya dulu yang bernilai ribuan ringgit hasil pemiagaan katering, untuk modal pusingan.

"Ada yang mengatakan saya makan harta anak yatim dan tinggal serumah. Apa yang saya hendak makan harta mereka sebab saya sendiri bergolok gadai selama ini untuk membesarkan mereka.

"Tujuan saya, suami dan anak-anak tinggal serumah dengan mereka adalah semata-mata mengajar sifat kasih sayang dan rasa tanggungjawab antara satu sama lain.

"Alangkah seronoknya melihat mereka membesar depan mata, penuh ceria. Rasa kasih yang dipupuk pada anak yatim atau penghidap HIV ini begitu mendalam.

"Pada saya, walaupun pendidikan tidak tinggi, impian untuk melonjakkan Pemim menjadi yayasan hebat satu hari nanti lebih diutamakan," katanya

yang berhasrat membentuk dana bagi membesarkan empayar membina yayasan.

Mengenai keluarga, ibu kepada tujuh anak ini mengakui bukan mudah menempuh cabaran jika mental dan fizikalnya tidak kuat.

"Pada awalnya, bukan saja sindiran orang ramai termasuk jiran terpaksa ditepis. Suami sendiri mulanya tidak bersetuju dengan cara saya ini.

"Sehinggakan suatu hari saya buat solat hajat, tahajud dan tidak jemu berdoa supaya impian untuk membantu golongan ini dimakbulkan. Alhamdulillah, hikmah yang Allah sem-bunyikan penuh kenikmatan," katanya mengimbau kenangan

>Profil

NAMA: Norlina Alawi
JAWATAN: Pengasas dan Pengerusi Pusat Perlindungan Pemim, Kampung Cheras Baru, Kuala Lumpur
PENDIDIKAN: Sijil Pelajaran Malaysia
STATUS: Kahwin
SUAMI: Mejar Roslan Zakaria
ANAK: Tujuh orang

perit yang ditempuhinya empat tahun lalu.

Apa yang penting kini, suaminya, Mejar Roslan Zakaria, 43, adalah pemangkin semangatnya.

"Suatu yang saya pelajari, jika ada masalah saya banyak menujuk kepada suami. Kalau dulu dia tidak bersetuju dengan jalan yang saya pilih, kini dia banyak memberi perangsang kepada saya dalam banyak perkara," katanya.

Dia turut berbangga dengan sikap suami yang tidak jemu menimba ilmu di peringkat sarjana dalam bidang pengu-rusan malah ia menjadi contoh bahawa menuntut ilmu tidak mengenal usia.



PRIBATI...bersama sebahagian anak dan kakitangan rumah Pemim.